

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, May 23, 2018 9:15 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kemeriahan Sambutan Hari Ibu Dan Awal Ramadan



23 MEI 2018 / 7 RAMADAN 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI IBU DAN AWAL RAMADAN



UUM ONLINE: Majlis sambutan Hari Ibu dan Awal Ramadan memberi kegirangan kepada anak-anak kecil apabila ibu bapa dan waris turut hadir memeriahkan acara yang berlangsung di Pusat Tadika Tunku Puteri Intan Safinaz (PTTPKK).

Pengerusi Lembaga PTTPKK, Datin Seri Norhayati Nazri hadir merasmikan majlis yang sarat dengan pelbagai aktiviti menarik, persembahan dan penyampaian anugerah selain memotong pulut kuning.

Menurutnya, ibu merupakan guru pertama anak-anak yang mendidik dengan penuh kasih sayang dan tidak pernah mengeluh dalam membesarkan anak-anak.

“Ibu dan guru berperanan untuk memberi tunjuk ajar, kasih sayang, sokongan moral dan sentiasa mendoakan yang terbaik untuk anak-anak memandangkan kejayaan mereka hasil kasih sayang dan keberkatan ibu dalam doanya.

“Oleh itu, untuk mendapat kebahagiaan dan kesenangan dunia akhirat sayangi ibu dan guru dengan sebaiknya,” luahnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyampaikan anugerah kepada ibu yang memberi kerjasama dan kepercayaan terhadap Perkhidmatan dan sistem pembelajaran di sini serta melibatkan diri dalam menjayakan aktiviti bagi memajukan Pusat ini.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.